



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Paras 25, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang

Telefon : 04-261 5613

Faxs : 04-261 8618

Laman Web : www.penang.gov.my

RUJ. KAMI: PSUKPP-KP.100-1/
7/1 (6)

TARIKH : 9 Rejab 1436
28 April 2015

Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Jabatan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

**PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
BIL.1 TAHUN 2015**

**LANGGANAN SURAT KHABAR JABATAN/AGENSI
NEGERI PULAU PINANG**

TUJUAN

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan langganan surat khabar oleh semua Jabatan Negeri Pulau Pinang.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Setiausaha Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2015 bertujuan menyeragamkan kaedah langganan surat khabar di Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kaedah langganan surat khabar semasa yang dilaksanakan oleh semua Jabatan Negeri Pulau Pinang adalah berdasarkan kepada budi bicara Ketua Jabatan masing-masing dan tidak mempunyai satu garis panduan khusus yang menetapkan pegawai yang layak dibekalkan surat khabar.

OBJEKTIF

3. Objektif pekeliling ini adalah untuk:
 - (a) Menetapkan syarat kelayakan pegawai yang boleh melanggan surat khabar;
 - (b) Menetapkan kelayakan bilangan surat khabar yang boleh dilanggan oleh pegawai, pejabat am dan perpustakaan jabatan;
 - (c) Memastikan langkah-langkah penjimatan dilaksanakan di semua Jabatan Negeri.

SYARAT LANGGANAN SURAT KHABAR JABATAN

4. Syarat-syarat adalah seperti berikut:

- (a) Kelayakan;

Ketua Jabatan atau Pegawai Gred 54 dan ke atas sahaja layak untuk melanggan surat khabar secara percuma.

Bagi pegawai yang tidak dapat menikmati kemudahan ini, boleh berkongsi surat khabar yang dibeli untuk kegunaan pejabat am.

- (b) Bilangan Surat Khabar

Ketua Jabatan atau Pegawai Gred 54 dan ke atas boleh dibekalkan dua (2) jenis surat khabar mengikut pilihan masing-masing. Untuk kegunaan pejabat am, boleh melanggan tiga (3) jenis surat khabar dan untuk

perpustakaan (sekiranya ada) tidak lebih daripada lima (5) jenis surat khabar.

PENGECUALIAN

5. Bagi pegawai-pegawai yang tidak termasuk dalam kategori di atas dan memerlukan langganan surat khabar atas kepentingan tugas, perlu mendapat perakuan dari Ketua Jabatan dan seterusnya mendapat kelulusan daripada YB. Setiausaha Kerajaan Negeri dengan menggunakan borang seperti di Lampiran A.

PEMAKAIAN

6. Surat Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Jabatan Negeri untuk diterima pakai manakala Agensi Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri adalah tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

TARIKH KUAT KUASA

7. Polisi baru ini berkuat kuasa mulai tarikh Pekeliling Setiausaha Kerajaan Bil. 1 Tahun 2015 ini dikeluarkan.

CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



[DATO' SERI FARIZAN BIN DARUS]

BORANG PERMOHONAN UNTUK LANGGANAN SURAT KHABAR

Nama Pegawai :

Gred Jawatan :

Jabatan :

Tujungan Langganan :

Kepada : YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Permohonan kelulusan bagi pembelian surat khabar adalah

DISOKONG / TIDAK DISOKONG

Ulasan : _____

Tarikh : _____ (KETUA JABATAN) _____

Kepada : Ketua Jabatan

Permohonan kelulusan bagi pembelian surat khabar adalah:

DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN

Ulasan : _____

Tarikh : _____ (DATO' FARIZAN BIN DARUS)